

04 MAR 2002

Malaysia-penyatuan (bergambar)/I

MALAYSIA SOKONGAN PENYATUAN SEMULA KOREA

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Malaysia melahirkan sokongan kuat kepada Korea Utara dalam usaha penyatuan semulanya dengan Korea Selatan setelah kedua-duanya terpisah akibat Perang Dunia Kedua.

Sokongan itu dinyatakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Ketua Dewan Perwakilan Tertinggi Korea Utara, Kim Yong Nam dalam pertemuan mereka di Putrajaya hari ini, kata pemangku Menteri Luar Datuk Azmi Khalid kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Kim yang diiringi rombongan 30 anggota, tiba semalam untuk lawatan tiga hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala.

Azmi berkata Kim memberitahu Dr Mahathir bahawa Pyongyang ingin sekali berusaha ke arah penyatuan semula itu.

"Daripada apa yang kita tahu, kedua-dua Korea memang inginkan penyatuan dan saya rasa mereka ikhlas dengan usaha ini," katanya.

Jalan ke arah penyatuan itu dirintis pada sidang kemuncak antara kedua-dua negara itu yang dihadiri pemimpin Korea Utara Kim Jong-il dan Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung di Pyongyang dua tahun lepas.

Mengenai isu lain, Azmi berkata Kuala Lumpur dan Pyongyang mempunyai pendapat serupa mengenai keganasan iaitu puncanya harus dikenal pasti.

Katanya kenyataan Presiden George W. Bush baru-baru ini menamakan Korea Utara, Iran dan Iraq sebagai paksi kejahatan, turut dibincangkan pada pertemuan antara Dr Mahathir dan Kim.

"Pendirian Malaysia mengenai keganasan adalah supaya puncanya dikenal pasti. Apabila puncanya dikenal pasti, maka soal paksi kejahatan bukan satu isu," kata Azmi.

Malaysia dan Korea Utara bersetuju bahawa jika isu keganasan terus dikendalikan seperti sekarang, ia akan menimbulkan lebih banyak kekeliruan.

Pada pertemuan hari ini, Malaysia dan Korea Utara menandatangani dua memorandum persefahaman -- satu mengenai pertukaran kebudayaan dan satu lagi mengenai perjanjian pinjaman dan bayaran balik minyak sawit sebanyak US\$10 juta kepada Korea Utara.

Azmi berkata Dr Mahathir melahirkan hasrat Malaysia supaya lebih banyak lawatan dianjurkan untuk pegawai-pegawai kedua-dua negara.

Kim mengundang Dr Mahathir melahirkan Korea Utara dan perdana menteri bersetuju menerimanya.

"Keadaan di dunia kini berubah dan Korea Utara mulai bersahabat di seluruh dunia dan cuba menjadi sebahagian daripada masyarakat antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

RV ZS MAI